

Rujukan : UKM BEN 100-1/3/3

Tarikh : 15 Mac 2021

PEKELILING BENDAHARI BIL. 3/2021

Dekan/ Pengarah/ Ketua/ Pengetua
Fakulti/ Institut/ Pusat/ Jabatan/ Kolej Kediaman
Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

TATACARA KETIDAKPATUHAN DALAM PENGURUSAN KEWANGAN UNIVERSITI

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

Sukacita dimaklumkan bahawa pekeling berkaitan dengan garis panduan ketidakpatuhan dalam pengurusan kewangan untuk panduan Pusat Tanggungjawab (PTj) seperti di lampiran ini. Untuk makluman Y.Bhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, garis panduan ini telah diluluskan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 1/2021 bertarikh 15 Februari 2021 berikutan dengan arahan pada Pekeling Perbendaharaan Malaysia WP 7.5 Perolehan Badan Berkanun Persekutuan yang menghendaki semua agensi Badan Berkanun menetapkan satu garis panduan kawalan dalaman berkaitan dengan sebarang ketidakpatuhan pengurusan kewangan. Jabatan Bendahari telah bekerjasama dengan Unit Integriti dan Pejabat Penasihat Undang-Undang dalam menghasilkan garis panduan ini untuk perhatian semua warga Universiti.

Sehubungan dengan itu, sukacita sekiranya pekeling ini dapat disampaikan kepada semua pegawai dan kakitangan seliaan untuk tindakan selanjutnya. Pekeling ini akan berkuatkuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian, kerjasama YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan amat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

"Akauntabiliti Pegangan Kita"

Yang benar,



NORINI MOHAMAD C.A (M)

Bendahari

Universiti Kebangsaan Malaysia



JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 3000 Faksimili: +603-8921 3058 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/bendahari>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities



www.ukm.my

- s.k
- Naib Canselor, UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat)
 - Pro Naib Canselor (Strategi dan Pembangunan Korporat)
 - Pro Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana)
 - Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur)
 - Pendaftar
 - Ketua Pustakawan
 - Penasihat Undang-Undang
 - Ketua Unit Integriti



UNIT DASAR & PENGUATKUASAAN

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 3000 Faksimili: +603-8921 3058 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/bendahari>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*



www.ukm.my



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

PEKELILING BENDAHARI BIL. 3/2021

TATACARA KETIDAKPATUHAN DALAM PENGURUSAN KEWANGAN UNIVERSITI

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memberi panduan berkaitan proses dan tindakan yang perlu diambil sekiranya berlaku ketidakpatuhan atau pelanggaran peraturan pengurusan kewangan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ). Untuk makluman pelaksanaan garis panduan ini telah diluluskan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 1/2021 bertarikh 15 Februari 2021.

LATAR BELAKANG

2. Merujuk kepada Pekeliling Bendahari Bil. 1/2017 Garis Panduan Kewangan dan Perakaunan UKM, peraturan berkaitan ketidakpatuhan telah dijelaskan secara dasar. Oleh itu, pekiling ini akan menerangkan proses dengan lebih terperinci serta tindakan yang wajar dapat diambil sekiranya berlaku ketidakpatuhan berkaitan perolehan, pembayaran, urusan penerimaan hasil serta apa sahaja urusan kewangan yang melanggar etika penjawat awam.
3. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 7.5 – Perolehan Badan Berkanun Persekutuan mengkehendaki semua Badan Berkanun menetapkan satu prosedur khas untuk kawalan dalaman meliputi kes kecuai, pecah amanah, ketidakpatuhan ke atas peraturan perolehan dan sebagainya termasuk jenis-jenis tindakan seperti mengenakan surcaj ke atas pihak-pihak yang terlibat merangkumi Lembaga Pengarah, Lembaga Perolehan, apa-apa Jawatankuasa yang ditubuhkan, pegawai dan kakitangan Badan Berkanun.

4. Jabatan Bendahari bersama-sama Unit Integriti dan Pejabat Penasihat Undang-Undang telah bersetuju menggariskan tindakan yang perlu diambil sekiranya menjumpai sebarang ketidakpatuhan dikalangan warga Universiti mahupun pihak-pihak yang memberi perkhidmatan kepada Universiti.

TAKRIFAN

5. Ketidakpatuhan dalam pengurusan kewangan wujud apabila pelanggaran dasar, peraturan, tatacara pekeliling dan lain-lain arahan, serta gagal melaksanakan tanggungjawab mengikut kuasa dan bidang tugas yang telah ditetapkan. Punca ketidakpatuhan boleh berlaku disebabkan kecuaiian, kegagalan mematuhi peraturan, penyelewengan, tidak peka terhadap perubahan peraturan kewangan dan proses kerja yang longgar.
6. Potensi ketidakpatuhan di dalam menguruskan kewangan boleh berlaku oleh pihak-pihak yang terbabit sekiranya mereka tidak mematuhi dan mengabaikan peraturan.
 - 6.1. Ketidakpatuhan yang dilakukan oleh **warga Universiti**.

Ketidakpatuhan yang boleh dilakukan oleh kakitangan merujuk kepada peraturan dibawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605) termasuk Pekeliling Unit Integriti Bil 3/2020 Peringatan Mengenai Pematuhan Peraturan Tatatertib Badan Berkanun atau kesalahan-kesalahan lain yang dirujuk oleh mana-mana Agensi Penguatkuasa atau Mahkamah. Antara potensi ketidakpatuhan yang boleh berlaku berdasarkan kepada pelanggaran Peraturan Tatakelakuan Am Peraturan 3(2) Akta 605 adalah seperti berikut:

 - 6.1.1. Pelanggaran Peraturan 3(2)(a) - **Membelakangkan kewajipan kepada badan berkanun demi kepentingan peribadi**.
 - i. Meluluskan perolehan kepada pihak yang dirinya mempunyai kepentingan.
 - ii. Memiliki atau mempunyai kepentingan dalam syarikat/ perniagaan, dan terlibat di dalam perolehan di Universiti.
 - 6.1.2. Pelanggaran Peraturan 3(2)(b) – **Berkelakuan dengan sedemikian cara yang mungkin menyebabkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan kewajipannya kepada badan berkanun**.
 - i. Menguruskan Tender atau Sebut Harga sedangkan pegawai mengetahui ada di antara mereka yang mengemukakan Tender atau Sebut Harga yang terdiri daripada keluarga atau saudaramaranya.

- ii. Menerima keraian dari pembekal dalam bentuk seperti tiket penerbangan, penginapan di hotel dan lain-lain.
- 6.1.3. Pelanggaran Peraturan 3(2)(e) – **Kurang cekap atau kurang berusaha**
- i. Kegagalan merancang urusan kewangan sehingga merugikan Universiti.
 - ii. Membuat perolehan tanpa perancangan sehingga menyebabkan pembaziran dan kerugian kepada Jabatan.
 - iii. Memperaku penerimaan bagi bekalan/ perkhidmatan/ kerja yang tidak memenuhi spesifikasi, belum dibekalkan sepenuhnya atau tidak wujud.
 - iv. Tidak menguruskan dan memantau akaun serta wang keluar masuk tabung PTJ sehingga menyebabkan kerugian.
- 6.1.4. Pelanggaran Peraturan 3(2)(f) – **Tidak jujur atau tidak amanah**
- i. Membuat perolehan tanpa Pesanan Rasmi, tanpa peruntukan, tanpa kelulusan atau tanpa kuasa dengan niat atau secara tidak jujur dan tidak amanah.
 - ii. Memecah kecil perolehan dengan maksud untuk mengelak kaedah perolehan secara Sebut Harga atau Tender
 - iii. Membuat penerimaan atau memperakukan penerimaan palsu dengan berpakat dengan pembekal.
 - iv. Membuat pemalsuan dokumen atau tuntutan palsu.
 - v. Penyelewengan kutipan hasil.
 - vi. Pemalsuan tandatangan pada dokumen kewangan
- 6.1.5. Pelanggaran Peraturan 4(2)(c)(ii) – **Menggunakan kedudukan awamnya bagi faedah sendiri** seperti menerima rasuah.
- 6.1.6. Selain daripada kategori di atas, warga Universiti juga boleh disabitkan dengan ketidakpatuhan yang melibatkan apa-apa tuduhan di bawah mana-mana peruntukan lain berkaitan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605) termasuk kes-kes yang melibatkan prosiding jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain.
- 6.1.7. Selain daripada tindakan tatatertib seperti di Para 6.1.6, warga Universiti boleh dikenakan surcaj atau kedua-duanya sekali. Rujuk Garis Panduan Kewangan dan Perakaunan UKM, Bahagian 13 (Tatatertib dan Surcaj).

6.2. **Potensi ketidakpatuhan yang dilakukan oleh pihak luar yang memberi perkhidmatan kepada Universiti.**

Potensi ketidakpatuhan yang boleh berlaku melibatkan pengurusan perolehan adalah merujuk kepada pelanggaran peraturan yang telah digariskan semasa pelawaan dan selepas penawaran sesuatu kontrak atau mana-mana peraturan yang telah ditetapkan oleh Agensi Penguatkuasa contohnya Pekeliling Perbendaharaan PK8 Ketidakpatuhan Dalam Perolehan Kerajaan, Akta SPRM dan lain-lain. Antara contoh potensi ketidakpatuhan yang boleh berlaku adalah seperti berikut:

- 6.2.1. Melanggar syarat-syarat Sebut Harga/ Tender/ Kontrak seperti berikut:
 - i. Tarik diri setelah menerima tawaran.
 - ii. Melantik sub kontrak tanpa persetujuan bersama dengan pihak Universiti.
 - iii. Gagal atau lewat menghantar bekalan barang, memberi perkhidmatan atau melaksanakan kerja.
 - iv. Gagal menepati spesifikasi yang ditetapkan.
- 6.2.2. Mengemukakan tuntutan invoice yang tidak mengikut kadar yang ditetapkan.
- 6.2.3. Memalsukan dokumen, mengemukakan dokumen palsu atau tuntutan palsu bagi bekalan/ perkhidmatan/ kerja yang tidak dilaksanakan yang boleh disabitkan di bawah Akta 605 atau kesalahan jenayah di bawah undang-undang bertulis lain di bawah Kanun Keseksaan, Akta SPRM dan lain-lain undang-undang yang boleh disabitkan ke atas kesalahan ini.

PELAKSANAAN

7. PTj perlu peka terhadap potensi ketidakpatuhan yang boleh berlaku. Sumber bagi mengenalpasti ketidakpatuhan boleh diperolehi seperti berikut;
 - i. Aduan yang diterima secara lisan atau tulisan melalui saluran seperti surat, emel, telefon, media sosial dan perbualan
 - ii. Hasil semakan dokumen semasa proses urusan kewangan dilaksanakan
 - iii. Pemantauan dan pengauditan
 - iv. Teguran dari pihak Kementerian/ Agensi yang diberi kuasa
8. Sekiranya PTj telah menemui ketidakpatuhan, tindakan yang perlu diambil adalah seperti berikut:

8.1. Membuat semakan atau siasatan awal

8.1.1. Semakan dan siasatan awal hendaklah dilaksanakan sekiranya berlaku ketidakpatuhan seperti berikut;

| Bil | Penemuan ketidakpatuhan | Pihak yang bertanggungjawab melakukan semakan/ siasatan awal |
|------------|---|---|
| 1. | Berlaku dan ditemui oleh kakitangan di PTJ | Pegawai Fokal Integriti/ Ketua Jabatan |
| 2. | Penemuan oleh Jabatan Bendahari | Jabatan Bendahari (Kampus Bangi, Cheras dan Kuala Lumpur) |
| 3. | Ketidakpatuhan yang dilakukan oleh pegawai pengurusan atasan atau Lembaga Pengarah Universiti | Unit Integriti |

8.1.2. Semakan atau siasatan oleh pihak yang terlibat perlu dibuat dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh maklumat diterima.

8.1.3. Hasil laporan siasatan hendaklah disediakan dalam tempoh dua (2) minggu selepas siasatan dijalankan. Laporan siasatan beserta dokumen sokongan ini perlu dikemukakan kepada Unit Integriti untuk tindakan lanjut sekiranya mempunyai wujud asas untuk prosiding tatatertib dimulakan berserta bukti-bukti mencukupi yang melibatkan warga Universiti.

8.1.4. Sekiranya terdapat bukti kes kesalahan yang dilakukan oleh syarikat-syarikat vendor yang berdaftar dengan Universiti dan pihak luar, laporan siasatan hendaklah diserahkan kepada Jabatan Bendahari untuk tindakan yang sewajarnya mengikut Pekeliling ini.

8.1.5. Sekiranya melibatkan tadbir urus kewangan dan perlu kepada penambahbaikan, laporan perlu dikemukakan kepada Jabatan Bendahari untuk tindakan selanjutnya.

8.1.6. Laporan yang melibatkan perkara 8.1.4 dan 8.1.5 perlu dikemukakan seperti berikut;

| Bil | Lokasi Penemuan ketidakpatuhan | Jabatan Bertanggungjawab |
|------------|--|---------------------------------|
| 1. | Kampus Bangi | Jabatan Bendahari |
| 2. | Kampus Kuala Lumpur (KKL) dan Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) | Jabatan Kewangan HCTM |
| 3. | Hospital Pakar Kanak-Kanak (HPKK) | Jabatan Kewangan HPKK |

- 8.1.7. Sekiranya siasatan melibatkan rujukan kepada dokumen tertentu, maka dokumen tersebut hendaklah diperolehi dari sumber yang sah.
- 8.1.8. Jika kes yang disiasat mempunyai unsur jenayah, tindakan ke atas kakitangan yang terlibat boleh dilaksanakan mengikut Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605) atau boleh merujuk kepada Agensi Penguatkuasa seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk tindakan selanjutnya mengikut keseriusan kes dengan nasihat Unit Integriti.
- 8.1.9. Jika kes yang melanggar tatakelakuan di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605), tindakan tatatertib akan diambil oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang.
- 8.1.10. Proses siasatan dalaman akan dilaksanakan mengikut prosedur yang dibangunkan oleh Unit Integriti.
- 8.2. Jabatan Bendahari boleh mengambil tindakan melaksanakan perkara berikut apabila berlaku ketidakpatuhan;
- 8.2.1. Ketidakpatuhan oleh kakitangan Universiti
Pembayaran kepada syarikat boleh dibuat dengan suci hati sekiranya pegawai pembayar berpuas hati bahawa barang/ perkhidmatan/ kerja telah dilaksanakan dengan sempurna oleh pembekal sepertimana yang dinyatakan dalam peraturan 51 Garis Panduan Kewangan dan Perakaunan UKM.
- 8.2.2. Ketidakpatuhan oleh syarikat atau pihak luar atau gabungan di antara syarikat dan pihak luar
- i. Laporan kepada pihak yang berkaitan seperti Kementerian Kewangan Malaysia, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan

Malaysia (CIDB), SPRM, PDRM atau mana-mana agensi yang berkaitan boleh dikemukakan.

- ii. Penahanan pembayaran sehingga kes selesai.
- iii. Tidak dibenarkan menyertai pelawaan dalam tempoh sekurang-kurangnya satu (1) tahun atau mengikut tempoh kontrak yang telah dilangari.
- iv. Mengemaskini status 'Gantung' melalui sistem UFASt.
- v. Mengambil tindakan seperti yang termaktub dalam kontrak jika berlaku ketidakpatuhan yang menyalahi kontrak.

RUJUKAN

9. Pekeliling ini dibuat berdasarkan rujukan berikut dan hendaklah dibaca bersama-sama dengan pekeling ini;
 - i. Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)
 - ii. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib)1993
 - iii. Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
 - iv. Arahan Perbendaharaan
 - v. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 7.5 Perolehan Badan Berkanun Persekutuan
 - vi. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 8 Ketidapatuhan Dalam Perolehan Kerajaan
 - vii. Pekeliling Bendahari Bil. 1/2017 Garis Panduan Kewangan dan Perakaunan UKM
 - viii. Pekeliling Unit Integriti Bil 3/2020 Peringatan Mengenai Pematuhan Peraturan Tatatertib Badan Berkanun

PENGUATKUASAAN

10. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh pekeling ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“Akauntabiliti Pegangan Kita”

Yang benar,



NORINI BINTI MOHAMAD

Bendahari


Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k
- Naib Canselor, UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM
 - Pro Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana)
 - Pro Naib Canselor (Strategi dan Pembangunan Korporat)
 - Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur)
 - Pendaftar
 - Penasihat Undang-Undang
 - Ketua Pustakawan
 - Ketua Unit Integriti

Carta Alir

Pelaksanaan Ketidakpatuhan dalam Pengurusan Kewangan

Tindakan



A

Kemukakan Laporan kepada Unit Integriti

Kemukakan laporan kepada Jabatan Bendahari, Jabatan Kewangan HCTM/ Jabatan Kewangan HPKK. (Mengikut lokasi kes ketidakpatuhan berlaku.)

Prosiding Tata tertib dibuat oleh PPUU jika disabit kesalahan

Tindakan Oleh Jabatan Bendahari:
Ketidakpatuhan berkaitan Warga UKM
i. Bayaran kepada pembekal – Perkara 51 Garis Panduan Kewangan dan Perakaunan UKM
Ketidakpatuhan berkaitan syarikat atau pihak luar atau gabungan di antara syarikat dan pihak luar.
i. Laporan kepada agensi yang berkaitan
ii. Penahanan bayaran
iii. Tidak dibenarkan menyertai pelawaan perolehan
iv. Kemaskini status 'Gantung'
v. Ambil tindakan sepertimana yang termaktub dalam kontrak

Pegawai Fokal Integriti/ Ketua Jabatan

Pejabat Penasihat Undang-Undang
(PPUU) Jabatan Bendahari/ Unit Integriti

Terima Keputusan Siasatan dari Unit Integriti atau Jabatan Bendahari

Fail

Tamat

PTJ